Perkara IX

# PEMBANGUNAN KAMPUS



## Pembangunan Kampus Tetap

Pembangunan Kampus Tetap melalui Rancangan Malaysia Ke-9 diteruskan sepanjang tahun 2008. Program-program pembangunan yang telah dirangka di peringkat awal RMKe-9 sebahagiannya akan dilancar dalam tahun 2008.

Di peringkat perancangan projek, Projek Pakej 3B dan Pakej 4 telah selesai diadakan rundingan harga. Projek Pakej 3B terdiri daripada bangunan-bangunan berikut :-

a. Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan
b. Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
c. Jabatan Pembangunan
d. Perpustakaan
e. Dewan Kuliah
f. Dewan Serbaguna
g. Pusat Islam, dan
h. Gelanggang Sukan.

Projek yang menelan belanja sebanyak RM 225 Juta ini akan dibangunkan mengikut fasa di mana bangunan Perpustakaan dan gelanggang sukan serta sebahagian PPK Bahan dan Dewan Kuliah akan dibina di dalam fasa 1 manakala selebihnya akan dibangunkan di dalam fasa ke-2 di dalam Rancangan Malaysia ke-10 nanti. Projek Pakej 3B dijangka akan mula dilaksana pada tahun 2009 setelah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan. Projek ini akan dikendalikan oleh Unit Pengurusan Projek Kampus Tetap UniMAP yang bertindak sebagai PMC.

Projek Pakej 4 pula terdiri daripada bangunan-bangunan berikut :-

a. Jabatan Canselori
b. Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik
c. Pusat Kejuruteraan

Projek yang menelan belanja sebanyak RM 136 Juta ini juga akan dibangunkan mengikut fasa di mana fasa 1 melibatkan sebahagian bangunan PPK Mikroelektronik dan Pusat Kejuruteraan. Fasa 2 pula akan dibangunkan di dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Projek ini dikendalikan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia yang bertindak selaku PMC.



## Pembangunan Kampus Tetap




Ilustrasi Jabatan Canselori



Ilustrasi Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik

## Pembangunan Kampus Tetap

Di Peringkat Pembinaan, 3 projek menerusi 2 pakej berasingan berlangsung sepanjang tahun 2008. Pakej 3A iaitu melibatkan kerja-kerja tanah telah dilancar pada 26hb Mac 2008 dan dijangka siap pada November 2008. Projek yang menelan belanja sebanyak RM 15 Juta ini merupakan projek sokongan untuk projek Pakej 3B dan Pakej 4 iaitu penyediaan platform bangunan serta kerja-kerja infrastruktur asas seperti sistem saliran, sistem jalan raya dan kolam takungan. Projek ini berjaya disiapkan sepenuhnya pada tahun 2008.



Gambar: Pakej 3A - Kolam takungan yang siap dibina di Zon Utara Kampus Tetap Ulu Pauh.

Projek Pakej 2 pula merupakan projek yang dilancar pada tahun 2007 lagi. Ianya terdiri daripada 2 buah pusat pengajian iaitu Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik. Projek yang menelan belanja sebanyak RM 115 Juta ini dijangka siap sepenuhnya menjelang awal 2009. Sehingga 30 Disember 2008, projek Pakej 2 telah pun siap 80% dan sebanyak RM 90 Juta telah dibelanjakan.



Gambar : Perkembangan Terkini di Kampus Tetap Ulu Pauh.

## Perbelanjaan Keseluruhan Pembangunan Kampus Tetap

Secara keseluruhan, prestasi kewangan pembangunan kampus tetap di dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (2006-2008) digambarkan melalui jadual di bawah:

**Perbelanjaan Keseluruhan RMK-9 (2006-2008)**




Peruntukan RMK-9 : RM349 Juta

**Status Perbelanjaan Tahunan RMK-9**




Prestasi kewangan pembangunan kampus tetap untuk tahun 2008 ditunjukkan di dalam carta di bawah:



## Pembangunan Kampus Tetap Universiti Malaysia Perlis

